

TARIKH: 10/4/2023
SURAT KHABAR: SINAR HARIAN
MUKA SURAT:

Sinar
10/4

Segerakan skim perlindungan luar waktu bekerja

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa kerajaan segera memperkenalkan perlindungan keselamatan sosial Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) bagi melindungi pekerja 24 jam sehari.

Presidennya, Mohd Effendy Abdul Ghani berkata, dengan adanya skim itu, pekerja akan sentiasa dilindungi tanpa terikat kepada aktiviti pekerjaan dan pengajian mereka.



MOHD EFFENDY

"Skim ini telah lama dinantikan kerana ia memberikan perlindungan komprehensif kepada mereka yang mengalami kemalangan di luar waktu bekerja dan tidak berkaitan langsung dengan pekerjaan.

"Pelbagai faedah juga turut disediakan antaranya perubatan, hilang upaya sementara, hilang upaya kekal dan kemudahan pemulihan fizikal serta vokasional," katanya dalam kenyataan

pada Ahad.

Jelas beliau, tuntutan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) seringkali ditolak atas sebab kemalangan dialami tidak berkaitan dengan pekerjaan dan tidak diliputi di bawah akta.

"Kami menggesa Kerajaan Perpaduan segera melaksanakan SKBBK ini dan meminda akta sedia ada," katanya.

Tambah Effendy, skim perlindungan ini telah wujud di beberapa negara maju seperti New Zealand, Amerika Syarikat dan Kanada.